

**PERJUANGAN HIDUP ROSLI DHOBI DI
SARAWAK PADA 1946-1951**



NAZURA BINTI SAHIE

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022

**PERJUANGAN HIDUP ROSLI DHOBI DI
SARAWAK PADA 1946-1951**

NAZURA BINTI SAHIE

**TESIS INI DIKEMUKAKAN ADALAH UNTUK
MEMENUHI SYARAT DALAM MEMPEROLEHI
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN DALAM BIDANG SEJARAH**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022

PENGAKUAN

Kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 OGOS 2022



NAZURA BINTI SAHIE

BA19110190



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **NAZURA BINTI SAHIE**
NO MATRIK : **BA19110190**
TAJUK : **PERJUANGAN HIDUP ROSLIDHOBY
DI SARAWAK 1946-1951**

PENYELIA : **PROFESSOR MADYA DR. ABDUL
RAHMAN TANG BIN ABDULLAH**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
PENGESAHAN

PENYELIA

Profesor Madya Dr Abdul Rahman Tang
Abdullah

TANDATANGAN

PROF. MADYA DR A RAHMAN TANG ABDULLAH
PROGRAM SEJARAH
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dengan pimpinanNya memberi kekuatan kepada pengkaji untuk menyiapkan kajian ini dengan sebaiknya. Syukur juga dengan tempoh masa yang diberikan oleh pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Kajian ini akan mengkaji soal perjuangan Rosli Dhoby dan anti-penyERAHAN lain semasa berlakunya ketegangan di Sarawak dalam isu penyerahan Sarawak kepada pihak British. Kajian ini amat penting bagi mengembalikan dan memartabatkan lagi perjuangan tokoh-tokoh nasionalisme di Sarawak. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk memperingati perjuangan Rosli Dhoby dan ahli Rukun Tiga Belas dalam melindungi Sarawak daripada kuasa campur tangan British di Sarawak.

Dengan kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak yang terlibat dalam menjayakan dan memberi kerjasama bagi saya untuk menyiapkan kajian ini khasnya kepada Prof. Madya Dr. Rahman Tang yang merupakan penyelia saya. Beliau telah banyak memberi bimbingan dan nasihat kepada saya dalam menyempurnakan latihan ilmiah ini. Tidak lupa juga penghargaan kepada semua pensyarah program sejarah Dr. Mosli Tarsat, Dr. Maureen De Silva, Dr. Zainuddin Baco, Dr. Shaffie Bin Abdul Rahim, En. Shaukhi Mohd Radzi, En. Amrullah Bin Maraining, En. Eko Prayitno Joko, En. Baszley Bee Bin Basrah Bee, Prof Dr. Ismail Ali, Prof Madya Dr. Bilcher Bala tang serta tutor yang banyak membantu memberi tunjuk ajar dalam menjalankan kajian.

Selain itu, saya turut mengucapkan ucapan terima kasih diucapkan juga kepada perpustakaan Universiti Malaysia Sabah kerana telah menyediakan kemudahan bagi pengkaji untuk mendapatkan rujukan dengan mudah. Seterusnya, kepada ibu bapa saya iaitu Sahie Bin Ahad dan Minah Binti Kabul yang banyak memberikan sokongan dan dorongan dalam mempersiapkan kajian yang saya jalankan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya dan ramai lagi yang telah membantu dan berkongsi ilmu dalam menyiapkan kajian ini. Segala jasa dan kerjasama kalian amat dihargai.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji berkaitan dengan perjuangan Rosli Dhoby dan anti-penyerahan yang lain semasa isu penyerahan Sarawak pada tahun 1946-1951. Secara terperinci kajian ini akan mengupas berkaitan dengan perjuangan individu yang berani berjuang demi negerinya iaitu Rosli Dhoby. Di usia muda, beliau merupakan seorang yang sangat berani dan lantang mengeluarkan pendapat beliau. Tidak hanya itu, beliau juga turut disokong oleh rakan seperjuangan beliau dari kumpulan Rukun Tiga Belas. Oleh itu, dalam kajian ini menyatakan beberapa pernyataan masalah iaitu apakah latar belakang Rosli Dhoby dan apakah perjuangan yang dilakukan oleh anti-penyerahan yang lain di Sarawak. Seterusnya ialah menilai sumbangan dan reaksi masyarakat terhadap Rosli Dhoby dan pertubuhan anti-penyerahan yang lain. Oleh itu, bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu mendapatkan bahan-bahan rujukan di perpustakaan dan arkib bagi menjawab segala permasalahan yang ada. Melalui kupasan pengkaji berkaitan kajian ini mendapati bahawa perjuangan Rosli Dhoby dan anti-penyerahan adalah perjuangan yang sangat berani dan membela nasib rakyat Sarawak semasa era British memerintah Sarawak sekitar tahun 1946 hingga 1951 mengikut skop kajian. Oleh yang demikian, perjuangan besar Rosli Dhoby adalah penting dan ianya haruslah dihargai dan diingati. Anak muda juga tidak harus leka dengan sejarah tempatan terutamanya orang tempatan Sarawak.

ABSTRACT

This study examines the relationship between Rosli Dhoby and other anti-surrender during the Sarawak surrender issue in 1946-1951. In detail, this study will cover the struggle of an individual who dared to fight for his country, namely Rosli Dhoby. At a young age, he was a very brave and vocal person expressing his opinion. Not only that, he was also supported by his comrades from the Rukun Tiga Belas group. Therefore, in this study, several problem statements are stated, namely what is the background of Rosli Dhoby and what is the struggle of other anti-surrender movements in Sarawak. Next is to evaluate the community's contribution and reaction to Rosli Dhoby and other anti-surrender organizations. Therefore, in order to carry out this study, the researcher used a qualitative method, which is to obtain reference materials in the library and archive to answer all the problems that exist. Through the research related to this study, the researcher found that the struggle of Rosli Dhoby and anti-surrender was a very brave struggle and defended the fate of the people of Sarawak during the era of British rule in Sarawak around 1946 to 1951 according to the scope of the study. Therefore, the great struggle of Rosli Dhoby is important and it should be appreciated and remembered. Young people should also not be complacent with local history, especially the local people of Sarawak.

ISI KANDUNGAN

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	2
1.3	Objektif Kajian	3
1.4	Sorotan Literatur	3
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Skop Kajian	6
1.7	Metodologi Kajian	7
1.8	Pembahagian Bab	8
1.9	Kesimpulan	10



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 2 : LATAR BELAKANG ROSLI DHOBY

2.1	Pengenalan	11
2.2	Latar Belakang	11
2.3	Semasa Pemerintahan Brooke	12
2.4	Latar Belakang Rosli Dhoby	15
2.4.1	Salasilah Keluarga Rosli Dhoby	15
2.4.2	Sifat Peribadi Rosli Dhoby	18
2.5	Peristiwa Rosli Dhoby dihukum	20
2.6	Kesimpulan	21

BAB 3 : PERJUANGAN ROSLI DHOBY DAN ANTI- PENYERAHAN SARAWAK

3.1	Pengenalan	23
3.2	Latar Belakang	23
3.3	Penyerahan Sarwak 1946-1951	24
3.3.1	Pro-Serahan	28
3.3.2	Anti-Penyerahan	29
3.4	Anti-Penyerahan Sarawak	32
3.4.1	BPS	32
3.4.2	PKMS	33
3.4.3	PPM	35
3.4.4	USNA	36
3.4.5	SDA	38
3.5	Penglibatan dan Perjuangan Rosli Dhoby	40
3.6	Kesimpulan	45

BAB 4 : REAKSI MASYARAKAT TERHADAP PERJUANGAN DAN SUMBANGAN ROSLI DHOBY DALAM MEMERDEKAKAN SARAWAK

4.1	Pengenalan	46
4.2	Latar Belakang	46
4.3	Sumbangan Rosli Dhoby	47
4.3.1	Rosli Dhoby Menyelamatkan Sarwak daripada tangan pihak British	48

4.3.2	Membuktikan Tanggungjawab dan Menuntut hak penduduk	49
4.4	Reaksi Masyarakat Terhadap Tindakan Rosli Dhoby Sebagai Anti-Penyerahan	50
4.4.1	Orang Melayu	50
4.4.2	Orang Dayak	54
4.4.3	Orang Cina	57
4.4.4	Orang India	59
4.5	Kesimpulan	61
BAB 5 : PENUTUP		62



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sarawak adalah sebuah negeri yang turut menjadi kawasan jajahan British dan Jepun pada suatu ketika dahulu. Sarawak menjadi sasaran di bawah jajahan penjajah. Sarawak pada awalnya di bawah pimpinan kuasa Kesultanan Brunei. Namun, perubahan berlaku apabila kedatangan James Broke ke Sarawak. Munculnya James Broke di Sarawak bukanlah suatu perkara yang dirancang namun ia adalah suatu kebetulan apabila James Broke diminta dan di arahkan untuk menghantar satu titipan kepada Pangiran Muda Hashim. Titipan yang di arakan adalah satu perintah besar bagi pemberian penghantaran kepada Pangiran Muda Hashim.¹ Penghantaran tersebut telah mengubah keadaan apabila Pangiran Muda Hashim meminta James Broke untuk kekal tinggal di Sarawak. Hal ini kerana, Pangiran Muda Hashim menginginkan James Broke untuk membantunya dalam menyelesaikan masalah yang kian rumit di Sarawak. Bahkan, Pangiran Muda Hashim mempercayai bahawa James Broke adalah orang yang tepat untuk membantunya dalam memperbaiki semula permasalahan tentangan kaum yang berlaku di Sarawak. Oleh sebab itu, akhirnya James Broke bersetuju untuk tinggal dan menetap di Sarawak bagi membantu Pangiran Muda Hashim namun James Broke meletakkan syarat. James Broke meletakkan syarat bahawa sekiranya beliau berjaya meredakan masalah di Sarawak, sebahagian Sarawak adalah tanah jajahannya.² Akhirnya,

¹Robert H.W. Reece, *The Cession of Sarawak to The British Crown In 1946*, Canberra, Australian National University, 1977, hlm3-5

²*Ibid*

permintaan James Broke tercapai apabila beliau berjaya meredakan masalah masyarakat di Sarawak dan sekaligus disenangi oleh penduduk di Sarawak.³

Namun, sejarah Sarawak tidak berhenti di situ sahaja. Zaman tersebut adalah zaman yang panjang untuk dinilai dan di titik tolakan sejarah perjuangan terdahulu. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, kisah yang panjang dimulakan oleh James Broke sehingga kisah Charles Vyner Brooke.⁴

Pada 1 Julai 1946, secara rasminya Sarawak telah jatuh di tangan British. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, pada masa itu Raja Charles Brooke menyerahkan Sarawak dan sudah tidak mampu lagi bertahan mempertahankan Sarawak. Raja Charles Brooke mengalami kerugian yang besar di atas peperangan yang berlaku sewaktu kedatangan Jepun ke Sarawak.⁵ Keputusan yang di ambil oleh Raja Charles telah menyebabkan masyarakat tempatan di Sarawak sangat kecewa. Masyarakat pada masa itu sudah selesa dengan cara pemerintahan yang dilakukan oleh Raja Charles Brooke. Bagi masyarakat tempatan, mereka menanggapi bahawa pemerintahan British ini hanya akan membawa beban dan ingin memanfaatkan kekayaan ekonomi yang ada di Sarawak. Setelah semuanya di ambil alih oleh British, bermulalah perubahan baharu bagi masyarakat tempatan di Sarawak. Pelbagai perubahan yang dilakukan termasuklah pengenalan kepada peraturan dan undang-undang baharu dan wujudnya penentangan daripada pihak anti-penyERAHAN.

Dari sini, dapat kita lihat bahawa, banyak isu yang boleh dikupas daripada perjuang-perjuang Sarawak terdahulu iaitu Rosli Dhobi beserta perjuangannya terhadap tanah air.

1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan yang timbul bagi setiap keadaan dan situasi adalah antara menjadi isu dalam mengupas semula sejarah lalu. Begitu juga yang berlaku di Sarawak di mana,

³ Nidzam Sulaiman, *Pakatan Dalam Politik Sarawak*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006, hlm. 170-172

⁴ *Ibid*

⁵ Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule In Sarawak, 1946-1963*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997, hlm. 50-56

terdapat isu yang menjadi permasalahan besar yang harus ditandatangani bagi membentuk sebuah negeri yang aman.

1. Apakah latar belakang Rosli Dhoby?
2. Apakah perjuangan dan penyerahan yang dilakukan oleh Rosli Dhoby?
3. Apakah reaksi masyarakat terhadap perjuangan dan semangat Rosli Dhoby dalam memerdekakan Sarawak?

1.3 Objektif kajian

Bagi mencapai penyelesaian daripada permasalahan kajian yang dinyatakan, pengkaji telah menetapkan beberapa objektif kajian yang akan dikaji. Oleh itu, objektif yang pertama adalah memperkenalkan latar belakang tokoh pejuang yang dikaji iaitu Rosli Dhoby. Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengupas secara mendalam terhadap latar belakang Rosli Dhoby beserta keluarga dan kehidupannya.

Objektif yang kedua adalah membincangkan isu berkaitan perjuangan dan penyerahan yang dilakukan oleh Rosli Dhoby dalam memerdekakan Sarawak dari kuasa British. Pengkaji akan menerangkan secara terperinci terhadap penyerahan dan perjuangan yang dilakukannya beserta rakan-rakannya yang terlibat dalam mempertahankan Sarawak.

Objektif yang ketiga adalah membincangkan tentang reaksi masyarakat terhadap perjuangan dan semangat Rosli Dhoby dalam memerdekakan Sarawak. Dalam bahagian ini, pengulas akan memecahkan kepada beberapa bahagian mengikut kaum untuk dibezakan pandangan dan reaksi masyarakat Sarawak terhadap perjuangan Rosli Dhoby.

1.4 Sorotan Literatur

Satu karya yang membantu pengkaji ialah sebuah karya Sabihah Osman bekas pensyarah Universiti Malaysia Sabah di mana tajuknya majoriti lebih kepada sejarah Sarawak. Dalam artikel ini menyentuh berkaitan dengan *The Malay Muslim Response To*

Cession Of Sarawak to The British Crown 1946-1951.⁶ Penulisan ini telah banyak membantu pengkaji dalam menilai reaksi masyarakat melayu yang dijelaskan di objektif ketiga iaitu bab empat. Pengkaji juga melihat bahawa reaksi daripada masyarakat yang lain seperti orang Cina, India, Dayak dan sebagainya. Hal ini menyebabkan pengkaji dapat menilai semua reaksi masyarakat di Sarawak.

Seterusnya, dalam *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963* karya Vernon L. Porrit merupakan salah satu karya yang menjadi panduan bagi pengkaji dalam menguraikan dan membuktikan hujah di dalam kajian ini. Vernon L. Porrit seorang penulis yang gemar untuk mengkaji berkaitan dengan sejarah di Sarawak. Hal ini menyebabkan karya beliau sangat lengkap dari awalnya pemerintahan British di Sarawak sehinggalah Sarawak telah bersatu dengan Sabah dan Tanah Melayu bagi membentuk negara Malaysia. Selain itu, penulisan buku ini juga menghuraikan berkaitan dengan segala aspek yang penting seperti sosial, ekonomi dan politik di Sarawak menyebabkan pengkaji dapat menilai pemerintahan British di Sarawak seperti apa. Tidak lupa juga di dalam buku ini menjelaskan berkaitan dengan kejayaan, pembaharuan dan pembangunan yang dilakukan oleh British di Sarawak. Terdapat baik dan buruknya juga terhadap Sarawak yang akan dibincangkan di dalam objektif kajian ini.

Seterusnya, *The Cession of Sarawak To The British Crown in 1946*⁷ merupakan sebuah tesis karya Robert H.W. Reece yang menjelaskan secara terperinci dan memberi gambaran yang jelas kepada pengkaji bagi melaksanakan tesis ini. Dengan pimpinan tesis ini pengkaji mempunyai gambaran yang jelas berkaitan dengan kelompangan dan dapat menimbulkan persoalan-persoalan kepada pengkaji untuk menjawab segala persoalan yang timbul. Melihat kepada minat penulis buku ini juga menjelaskan beliau sangat berminat untuk melakukan kajian yang bertajuk pergerakan antipenyerahan

⁶ Sabihah Osman, *The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to The British Crown 1946-1951*, JEBAT 18, 1990, hlm. 145-174

⁷ Robert H.W. Reece, *The Cession of Sarawak to The British Crown In 1946*, Tesis Sarjana Falsafah , Cancerra: Australian National University, 1977, hlm 1

Sarawak 1946 hingga 1951. Kajian beliau sangat berkait rapat dengan kajian pengkaji di mana ianya mempunyai maksud yang dekat cuma pengkaji meneliti lebih kepada Rosli Dhoby.

Dalam penulisan Ho Hui Ling dalam artikelnya *Pertubuhan- Pertubuhan Sosiopolitik Di Sarawak, Tahun 1946 – 1963*. Dalam penulisan ini pula membahaskan tentang pertubuhan – pertubuhan yang ditubuhkan di Sarawak pada ketika itu. Pertubuhan ini termasuklah pertubuhan yang bersifat ekonomi, sosial dan politik yang ditubuhkan oleh kaum Melayu, Cina dan Dayak. Sifat perkauamn adalah satu fenomena yang nyata dalam pertubuhan- pertubuhan yang wujud dan amat jelas didominasi oleh satu- satu kaum tertentu. Oleh itu, dalam penulisan ini beliau menceritakan tentang semangat parti politik setiap kaum yang menentang penyerahan Sarawak kepada British. Contohnya seperti PKMS, YMS, PPM, BPS dan SDA. Hal ini ditubuhkan kerana untuk dijadikan sebagai reaksi dan pandangan terhadap penyerahan Sarawak kepada kerajaan British oleh Raja Vyner Brooke.⁸ Dalam artikel ini juga menjelaskan latar belakang sejarah Sarawak di mana bermula dengan James Brooke sehinggalah penyerahan Sarawak kepada British. Oleh itu, melalui artikel ini pengkaji dapat mengkaji parti politik yang manakah bersifat lebih radikal dalam penentangan terhadap Penyerahan Sarawak.

Buku karya Sanib Said berjudul Politik Melayu Di Sarawak 1946-1966 telah banyak membantu pengkaji menjelaskan berkaitan dengan politik di Sarawak. Buku ini lebih lebih khusus dalam bab 3 bertajuk kontroversi Serahan: Perpecahan Pertama, 1946-1951 dimana bab ini menjelaskan berkaitan dengan politik yang membangun semasa isu pengumuman penyerahan Sarawak kepada pihak British. Melalui karya Sanib Said juga memberi bukti perjanjian yang terperinci berkaitan dengan penyerahan Sarawak dan perkara ini meyakinkan pengkaji bahawa karya beliau adalah sumber yang baik bagi pengkaji.

⁸ Ho Hui Ling, *Pertubuhan-pertubuhan Sosiopolitik Di Sarawak Tahun 1946-1963*, Persatuan Sejarah Malaysia, 2000, hlm. 117

British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963 karya Vernon L. Porrit merupakan salah satu karya yang menjadi panduan bagi pengkaji dalam menguraikan dan membuktikan hujah di dalam kajian ini. Vernon L.Porrit seorang penulis yang gemar untuk mengkaji berkaitan dengan sejarah di Sarawak. Hal ini menyebabkan karya beliau sangat lengkap dari awalnya pemerintahan British di Sarawak sehinggalah Sarawak telah bersatu dengan Sabah dan Tanah Melayu bagi membentuk negara Malaysia. Selain itu, penulisan buku ini juga menghuraikan berkaitan dengan segala aspek yang penting seperti sosial, ekonomi dan politik di Sarawak menyebabkan pengkaji dapat menilai pemerintahan British di Sarawak seperti apa. Tidak lupa juga di dalam buku ini menjelaskan berkaitan dengan kejayaan, pembaharuan dan pembangunan yang dilakukan oleh British di Sarawak. Terdapat baik dan buruknya juga terhadap Sarawak yang akan dibincangkan di dalam objektif kajian ini.

Sebuah buku yang menjadi panduan kepada pengaji adalah buku karya Abdullah Zakaria bin Ghazali yang bertajuk Malaysia 500: Khazanah Insan Aset Negara jilid 5 iaitu Pahlawan Bangsa.⁹ Melalui buku ini telah memberi gambaran kepada pengkaji untuk menulis tentang perjuangan tokoh yang telah berjuang di Malaysia. Di dalam buku ini menceritakan berkaitan dengan peribadi Rosli Dhoby dan perjuangan yang telah dilakukan oleh Rosli Dhoby. Juga di dalam buku ini menjelaskan berkaitan dengan penglibatan Rosli Dhoby dalam Pertubuhan Melayu Sarawak dan Pembunuhan Gabenor Sarawak dengan ringkas tetapi padat dengan penceritaan melalui kronologi yang jelas.

1.5 Kepentingan Kajian


Penulisan kajian ini adalah penting bagi memperlihatkan latar belakang sejarah Sarawak yang lebih terperinci. Kajian ini dilakukan adalah sangat penting kerana ianya akan menjelaskan perkara-perkara yang melibatkan perjuangan tokoh Sarawak iaitu Rosli Dhobi. Harus kita ketahui bahawa tokoh pejuang Sarawak ini banyak memberikan sumbangan kepada negeri untuk membentuk keharmonian dan keamanan bersama.

⁹ Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Malaysia 500: Khazanah Insan Aset Negara: Jilid 5 Pahlawan Bangsa*, Kuala Lumpur: Arus Intelek, hlm 155

Bukan itu sahaja, tokoh ini mempunyai ciri dan keperibadian yang tersendiri dalam mencapai misi dan mempertahankan negeri Sarawak.

Dalam kajian ini juga, pengkaji akan mengfokuskan kepada beberapa perkara penting. Antaranya mengkaji sejauhmana perjuangan yang dilakukan oleh Rosli Dhoby. Dengan itu, kita dapat melihat kesungguhan Rosli Dhobi dalam memastikan hak-hak masyarakat dapat dipertahankan. Ini sekaligus membuka mata masyarakat untuk lebih mengenali dan menghayati perjuangan besar perjuangan pejuang terdahulu demi Sarawak.

1.6 Skop Kajian



Peta 1.1 : Peta Sarawak mengikut 5 Bahagian

Sumber: The Cession of Sarawak to The British Crown In¹⁰

Dalam skop kajian, ia telah dibahagikan kepada beberapa aspek. Antara aspek yang terkandung adalah bidang kajian dalam penyelidikan, tempoh masa atau tahun yang dipilih, tokoh yang dipilih dalam kajian dan tempat yang dipilih untuk menjalankan kajian. Oleh yang demikian, sejarah penyerahan Sarawak kepada kerajaan British pada 1946 sehingga 1951 ini berkaitan sepenuhnya tentang Sarawak. Bagi mengkaji berkaitan

¹⁰Robert H.W. Reece, *The Cession Of Sarawak To The British Crown In 1946*, Canberra, Australian National University, 1977, hlm xiii

dengan penyerahan sesebuah tempat kepada penjajah ini, ianya lebih mengfokuskan kepada politik dan penduduk peribumi di Sarawak. Disamping akan menceritakan sejarah penyerahan Sarawak agar mudah untuk difahami.

Skop tempat yang lebih terperinci adalah dalam Sarawak di sekitar bahagian pertama dan bahagian kedua Sibul. Melihat kepada peta diatas menunjukkan Sarawak semasa pemerintahan Brooke terbahagi kepada empat bahagian bermula dari Kuching sehingga ke hujung adalah Lawas. Oleh itu, skop tempat yang difokuskan adalah di Sibul dan Kuching. Hal ini kerana, Rosli Dhoby melakukan serangan ke atas Gabenor British dipangkalan jeti di Sibul.

Seterusnya, dari aspek tempoh kajian yang dipilih ialah bermula pada 1946 sehinggalah ke 1951. Tujuan pengkaji memilih tahun ini adalah kerana pada tahun 1946 merupakan Sarawak telah menjadi kawasan dan tanah jajahan pihak British. Isu berkaitan tentang penyerahan kuasa Sarawak ke tangan pihak British merupakan isu yang telah menggemparkan penduduk Sarawak sekali lagi apabila Sarawak baru sahaja dilanda perang dengan pihak komunis. Peristiwa ini telah mengejutkan masyarakat peribumi di Sarawak. Oleh itu, berlakulah penentangan demi penentangan dan partubuhan parti politik yang pelbagai sepanjang tahun itu sehinggalah peristiwa menikam Gabenor Sarawak terjadi. Oleh yang demikian, tempoh masa kajian ini tamat pada 1951 dimana berakhirnya penjajahan British di Sarawak.

1.7 Metodologi kajian

Penyelidikan atau pengkajian latihan ilmiah ini akan menggunakan metod kajian berdasarkan ilmu sejarah. Dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji akan menggunakan beberapa kaedah. Kaedah yang pertama adalah kaedah kualitatif iaitu bagi mengumpul dan menganalisis data. Seterusnya sumber primer turut digunakan dalam menjalankan kajian ini. Ini adalah untuk mengukuhkan lagi penulisan dalam menghasilkan penulisan ilmiah. Selain itu juga, terdapat juga dokumen sokongan yang lain seperti laporan, surat, dan rekod rasmi kerajaan yang akan dirujuk bagi mendapatkan maklumat yang lebih sahih.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah sumber sekunder. Hal ini disertakan bagi tujuan menyokong hujah dan membuktikan kebenaran dalam menghasilkan penulisan tersebut. Antara sumber sekunder yang digunakan ialah buku – buku, akhbar- akhbar, laman web rasmi yang diiktiraf dan risalah yang berkaitan dengan sejarah pemerintah Sarawak.

Tambahan lagi, bagi memperoleh data dan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji, pengkaji juga turut mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan melalui Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Cawangan Negeri Sabah. Manakala bagi mendapatkan sumber sekunder pula pengkaji telah mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Pustaka Miri dan Perpustakaan Dewan Suarah Miri. Sumber yang boleh didapati ialah seperti buku-buku, jurnal, latihan ilmiah, akhbar dan banyak lagi maklumat tambahan yang lain. Kajian ini dijalankan dan dihasilkan adalah untuk mencari dan mengumpul maklumat serta mengupas sejauh mana yang boleh dikaji daripada sumber-sumber yang diperolehi. Bahkan juga, kajian ini dilakukan turut untuk menganalisis serta mendapatkan keseluruhan hasil daripada perbincangan bagi setiap topik yang telah ditetapkan.

1.8 Pembahagian Bab

Penulisan ilmiah ini telah dibahagikan kepada lima bahagian. Setiap bahagian dijadikan sebagai bab. Contohnya bab pertama, bab kedua, bab ketiga, bab keempat dan bab kelima. Setiap bab membincangkan topik yang berbeza atau berlainan. Namun setiap topik tersebut masih berada dalam lingkungan tajuk utama yang sama.

Bab pertama akan menyentuh tentang pengenalan kepada tajuk latihan ilmiah yang telah dipilih. Dalam bab pertama ini, ia mengandungi pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian, sorotan literature, kepentingan kajian, metodologi kajian, skop kajian, pembahagian bab dan kesimpulan. Dalam bab pertama ini juga, ia menjadi panduan dan pendedahan asas kepada rangka dalam menghasilkan penulisan ilmiah ini.

Bab kedua menyentuh tentang latar belakang tokoh yang dikaji iaitu Rosli Dhobi. Dalam bab ini, penulis akan mengupas secara mendalam mengenai latar

belakang tokoh ini yang berasal daripada Sarawak. Sama ada dari segi biodata, asal usul, keturunan dan juga sifat keperibadian beliau.

Bab ketiga menyenunh tentang perjuangan dan penyerahan. Bab ini akan mengupas secara menyeluruh mengenai perjuangan yang dilakukan oleh Rosli Dhoby dalam memerdekakan tanah air. Selain itu juga, pengkaji akan menerangkan secara terperinci mengenai penyerahan yang berlaku di Sarawak melibatkan masyarakat dan British.

Bab keempat menyentuh tentang reaksi masyarakat terhadap perjuangan dan semangat Rosli Dhoby dalam memerdekakan Sarawak. Dalam bab ini, pengkaji akan memecahkan kepada beberapa bahagian mengikut kaum untuk menilai dan melihat masyarakat manakah yang menyokong mahupun menentang akan perjuangan Rosli Dhoby.

Bab kelima dan merupakan bab terakhir dalam penulisan ilmiah ini merumuskan bagi keseluruhan kajian bagi bab kedua, bab ketiga dan bab keempat. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan pembaca memahami bagi setiap topik yang dibincangkan.

1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhan dalam kajian ini, ia akan memfokuskan kepada tokoh Negeri Sarawak yang menjadi pemimpin dalam menyelamatkan tanah air dari penindasan pihak British. Dalam kajian ini, pelbagai isu yang dibahaskan dan di bincangkan secara lebih mendalam berkenaan tokoh tersebut iaitu Rosli Dhobi. Antara yang menjadi isu berat dalam kajian ini adalah berkaitan tentang latar belakang Rosli Dhoby. Penulis akan mengupas secara menyeluruh tentang latar belakang Rosli Dhoby dari segi keturunan, pekerjaan keluarga dan sumbangannya. Seterusnya, membincangkan tentang perjuangan dan penyerahan Sarawak ke tangan British. Dengan adanya kajian ini, ia adalah untuk mengetahui secara lebih dekat dan mendalam terhadap perjuangan yang telah dilakukan oleh tokoh pejuang. Kemudian, kajian ini juga turut memfokuskan

kepada reaksi masyarakat terhadap perjuangan dan sumbangan Rosli Dhoby dalam memerdekakan Sarawak. Ini membolehkan kita melihat reaksi dari pelbagai masyarakat untuk mengetahui yang menyokong mahupun menentang akan perjuangan Rosli Dhoby.

Rosli Dhoby ini memainkan peranan penting dalam membentuk kemerdekaan di negeri Sarawak sehingga menjadi satu kebanggaan bagi masyarakat di Negeri Sarawak. Walaupun secara dasarnya, Rosli Dhoby adalah seorang tokoh yang kurang mendapat nama di peringkat masyarakat, namun itu bukanlah penghalang kepada penyelidik mahupun penulis untuk mengupas dan menjadikan tokoh ini sebagai kajian pengkaji.

Dengan adanya pengkajian dan penyelidikan berkenaan tokoh ini, diharapkan agar dapat menjadi salah satu penyumbang kepada pengenalan dan pengetahuan kepada generasi muda pada masa kini dan akan datang untuk mengetahui serta mengenali tokoh-tokoh pejuang Sarawak terdahulu. Bahkan juga, diharapkan agar hasil daripada kajian ini dapat menjadi salah satu rujukan terbaik kepada pembaca dalam menghasilkan sebuah penulisan yang berunsurkan tokoh-tokoh sejarawan negara.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 2

LATAR BELAKANG ROSLI DHOBI


2.1 Pengenalan

Dalam bab dua ini, kajian dijalankan adalah untuk mengkaji latar belakang tokoh sejarawan yang berasal daripada Negeri Sarawak iaitu Rosli Dhobi. Dalam kajian ini, penulis akan mengupas secara menyeluruh berkenaan tentang latar belakang sejarah hidup tokoh tersebut secara terperinci sama ada dari segi latar belakang diri, keluarga, penglibatan mahupun sumbangan dalam memperjuangkan hak negara. Bukan itu sahaja, penulis akan menerangkan serba sedikit alur keluarga Brooke dalam bab ini. Oleh itu, dengan adanya bab ini, kita akan lebih mengenali dan mendalami latar belakang kedua-dua tokoh tersebut.

2.2 Latar Belakang

Dalam bahagian ini, penulis akan mengupas tentang latar belakang Rosli Dhibi dari salasilah keluarga sehinggalah penglibatannya dalam menegakkan hak-hak yang telah menjadi satu symbol kepada perjuangan yang telah dilakukan sehingga menjadi satu nama yang bersejarah sehingga ke hari ini. Perkara-perkara ini wajar dikupas dan diperincikan kepada satu penulisan khas kerana ia dapat menjadi satu titik kenangan kepada generasi masa kini sehingga yang akan mendatang. Bahkan juga, karya yang ditonjolkan ini menjadikan ia satu peristiwa sejarah yang diabadikan dalam satu kumpulan sejarawan yang membawa nama kemakmuran negara

2.3 SEMASA PEMERINTAHAN BROOKE



GAMBAR 2.1 : JAMES BROOKE

Negeri Sarawak merupakan negeri yang mempunyai sejarah tersendiri yang sangat unik dan menarik untuk dikupas semula. Sejarah Negeri Sarawak sehingga tahun 1963 dibahagikan kepada tiga zaman iaitu Sarawak dibawah pemerintahan Kesultanan Brunei, seterusnya keluarga Brooke dan akhir sekali ialah kerajaan British. Sejarah Negeri Sarawak ini dikatakan unik disebabkan kerana mempunyai tiga siri pemerintahan yang dikatakan bahawa pada akhirnya British telah memerintah Negeri Sarawak dan membuka lembaran sejarah Negeri Sarawak dengan lebih terperinci. Negeri Sarawak telah diperintah oleh keluarga Brooke pada tahun 1841 dan berakhir selepas selama 105 tahun berkuasa di Negeri Sarawak. Begitu lama pemerintahan yang dilakukan oleh Brooke di Sarawak dan diketuai oleh 3 generasi Brooke iaitu James Brooke, Charles Brooke dan Charles Vyner Brooke. Keluarga Brooke sangat disenangi, dihormati dan